



PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE

Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B8(15)

Tarikh : 26 Ogos 2021

PEKELILING BURSAR BIL. 4 TAHUN 2021

PEMAKAIAN DENGAN PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN
MALAYSIA - PB3.3 GARIS PANDUAN PERBELANJAAN DARURAT
(AP55) DAN PEROLEHAN DARURAT (AP173.2)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai pemakaian dengan pindaan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - PB3.3 Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2) yang berkuat kuasa serta merta.

LATAR BELAKANG

2. Pada amnya, AP55 merupakan satu kaedah untuk melaksanakan perbelanjaan dalam keadaan darurat dan tiada peruntukan. Manakala AP173.2 merupakan satu kaedah perbelanjaan dalam sesuatu keadaan darurat di mana terdapat peruntukan yang telah diluluskan tetapi peraturan perolehan tidak dapat dipatuhi. Dalam keadaan perbelanjaan darurat atau perolehan darurat, Agensi adalah diberi kelonggaran daripada mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa demi menjaga kepentingan awam dan Kerajaan.

3. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan pengurusan perbelanjaan/ perolehan darurat supaya dapat dilaksanakan dengan segera dan pembayaran dikendalikan dengan teratur.

4. Selaras dengan itu, Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui mesyuarat ke 153 pada 15 Jun 2021 (minit 153/04) telah meluluskan pemakaian secara pindaan Pekeliling Perbendaharaan Kerajaan PB3.3 Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2).

LANTIKAN JAWATANKUASA PENENTUAN DARURAT

5. Jawatankuasa Penentuan Darurat hendaklah dilantik oleh Naib Canselor samada secara *ad hoc* atau bertempoh dengan keahlian terdiri daripada 3 orang wakil Pusat Tanggungjawab. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti **Lampiran 1** klausa 3.2.

LANTIKAN JAWATANKUASA RUNDINGAN HARGA

6. Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah dilantik oleh Naib Canselor samada secara *ad hoc* atau bertempoh dengan keahlian terdiri daripada 3 orang wakil Pusat Tanggungjawab. Tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah seperti **Lampiran 1** klausa 4.6.

PEMAKLUMAN PERBELANJAAN/PEROLEHAN DARURAT

7. Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah segera mengambil tindakan yang wajar untuk mengawal keadaan, seterusnya memaklumkan kejadian dan keperluan melaksanakan perbelanjaan/perolehan darurat di bawah AP55/AP173.2 kepada pihak seperti berikut dan disalinkan kepada Pejabat Bursar:

Jenis Darurat	Pemakluman
AP55 (Perbelanjaan Darurat)	(i) Naib Canselor (ii) Pegawai Pengawal (KPT) (iii) Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan – makluman dikemukakan oleh KPT
AP173.2 (Perolehan Darurat)	(i) Naib Canselor (ii) Pegawai Pengawal (KPT)

GARIS PANDUAN TERPERINCI

8. Garis panduan terperinci mengenai Perbelanjaan Darurat (AP55) dan Perolehan Darurat (AP173.2) adalah seperti **Lampiran 1**.

9. Proses Kerja, Carta Aliran dan Borang Permohonan Untuk Pendahuluan (Kew. 106) Proses kerja dan carta aliran bagi perbelanjaan darurat di bawah AP55/ perolehan darurat di bawah AP173.2 adalah seperti di **Lampiran A hingga F**.

PEMATUHAN KEPADA PEKELILING

10. Semua PTJ adalah bertanggungjawab untuk mematuhi tatacara perbelanjaan darurat di bawah AP55 dan perolehan darurat di bawah AP173.2. Pegawai Pengawal dan pegawai awam yang tidak mematuhi peraturan ini boleh diambil tindakan tatatertib/surcaj.

PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA PEKELILING


11. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berkenaan Pekeliling ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Pembangunan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 6203** dan Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian **03-9769 3563/6239/6219**.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZULKIFLEE BIN OTHMAN
DPMS, SIS
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON